

PPUKM3.10.4/328/224/2

18 Oktober 2013

PEKELILING JABATAN KEWANGAN BIL. 17 /2013

Ketua Jabatan/Pusat/Unit/Disiplin
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg.Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN SISTEM PORTER STOR PUSAT

- **PENGELUARAN STOK KE PTJ SECARA BERJADUAL BERDASARKAN Kuantiti Stok Minimum Yang Ditetapkan Oleh Jabatan/WAD/KLINIK**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa pihak Stor Pusat, Jabatan Kewangan sedang melaksanakan Sistem Porter Stor Pusat secara berperingkat mulai 15 Julai 2013 bagi semua barang pakai habis, makanan kering dan alatulis di Pusat Perubatan UKM.

Sehubungan dengan ini, beberapa tindakan berikut perlu diambil oleh pihak YBhg.Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan bagi melancarkan pelaksanaan Sistem Porter ini iaitu:-

- i. Pihak YBhg.Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan perlu mengemukakan kuantiti penggunaan minimum mengikut tempoh yang telah ditetapkan bagi untuk barang pakai habis, alatulis dan makanan kering dan dikembalikan kepada pihak Stor Pusat sebelum 21 Oktober 2013 (Rujuk Lampiran 1 - Carta alir Jadual Penghantaran dan Lampiran 2 - Senarai barang Stor Pusat) seperti berikut:-

KATEGORI BARANG	TEMPOH KUANTITI PENGGUNAAN MINIMUM
Pakai Habis	Seminggu
Alatulis	Sebulan
Makanan Kering (Bekalan hanya untuk pengguna yang diluluskan sahaja)	Sebulan

Nota: Item lain seperti alat perubatan, alat pejabat dan perabot tidak termasuk dalam Sistem Porter dan permohonan perlu dibuat mengikut tatacara semasa.

- ii. Nama kakitangan/gred jawatan dan nombor sambungan telefon wad/klirik yang bertanggungjawab untuk menerima barang yang dihantar oleh pihak Stor.

Jabatan Kewangan, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras Kuala Lumpur. MALAYSIA.
Telefon: +603-9145 5916/5243/5217 Faksimili: +603-9145 6652
E-mel: http://kewangan.hukm.ukm.my Laman Web: <http://www.ppukm.ukm.my>